

Berita Harian | Jumaat, 27 Oktober 2017

Berita



PERMULAAN LEBIH BAIK: Cik Siti Nabilah Nuruljannah Latiff kini bekerja dalam bidang audit di firma perakaunan EY Singapore, yang memberinya jawatan permulaan lebih tinggi daripada lulusan lain. – Foto SIT

Dapat kerja sebelum raih ijazah akaun SIT

► **IRMA KAMARUDIN**
irmak@sph.com.sg

SEJAK kecil, beliau meminati mata pelajaran melibatkan angka.

Oleh sebab itu, tidak menghairankan Cik Siti Nabilah Nuruljannah Latiff, 23 tahun, melanjutkan pelajaran dalam perakaunan dan seterusnya bekerja dalam bidang audit.

Beliau antara 96 lulusan yang meraih ijazah sarjana muda perakaunan dengan kepujian Institut Teknologi Singapura (SIT) baru-baru ini.

Namun, sebelum tamat pengajian, beliau mendapat pekerjaan di firma perakaunan EY Singapore.

Malah, beliau antara enam lulusan SIT yang mendapat jawatan permulaan lebih tinggi – penolong jaminan tahap dua dalam bidang audit – berbanding lulusan biasa, menurut SIT.

“Apabila diberitahu saya dapat tawaran pekerjaan itu, saya sangat gembira kerana tidak menjangkanya,” ujar beliau.

Program yang diikutinya di SIT menyediakan laluan pembelajaran amali yang menggabungkan pembelajaran dalam kelas dan amalan pekerjaan sebenar dalam industri.

Siswa juga melalui program pembelajaran pekerjaan bersepadu (IWSP), yang menyediakan pengalaman bekerja sambil belajar selama lapan bulan bersama firma perakaunan.

Daripada jumlah lulusan itu, 83,

termasuk Cik Nabilah, menerima tawaran keutamaan mendapat pekerjaan bersama firma perakaunan setelah tamat IWSP. Cik Nabilah berkata beliau memilih menuntut di SIT kerana tertarik pada ciri IWSP.

“Saya rasa pengalaman praktikal ini memberi saya kelebihan. “Dalam keadaan hari ini, lebih baik kami mempunyai kedua-duanya pengetahuan teori dan pengalaman amali,” katanya.

Cik Nabilah berkata pengalaman bekerja sambil belajar selama lapan bulan di EY Singapore membuka mata dan minda.

Semasa menjalani program itu, beliau tidak dilayani sebagai pelajar, sebaliknya sebagai pekerja lain di firma itu. Skop tugasnya pula melangkaui tugas biasa pelajar.

“Misalnya, saya ditugaskan ke sebuah syarikat selama tiga bulan. Saya sebahagian pasukan audit dan disebabkan kekurangan penolong jaminan tahap satu (A1), saya diberi tanggungjawab sebagai A1 dan melakukan tugas melebihi kerja pelatih,” katanya.

Cik Nabilah berharap dapat meluaskan pengalaman kerja dan bekerja dalam industri kewangan pada masa depan.

“Anda perlu berfikir secara terbuka dan berani mengharungi cabaran. Anggap setiap rintangan sebagai peluang memajukan diri. Jika meminati sesuatu bidang, anda perlu bekerja keras dan mempunyai azam dan tabah bagi mencapai matlamat,” ujarinya.